

PRESS CLIPPING

DATE : APRIL 12, 2019
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : DALAM NEGERI
PAGE : 10
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : N/A

LTAT tidak pernah untung 2017 - Mat Sabu

■ KUALA LUMPUR 11 APRIL

KEMENTERIAN Pertahanan mendedahkan Lemba baga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak pernah mencatatkan keuntungan pada 2017 sebaliknya kerugian.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, melalui semakan pihaknya, terdapat dua kesilapan dalam penyata kewangan LTAT pada 2017.

Beliau memberitahu, kesilapan berkenaan adalah sejumlah RM202.71 juta telah diisyiharkan sebagai pendapatan hasil daripada penjualan tanah serta kemerosotan harga pasaran bagi dua saham sekuriti pegangan LTAT berjumlah RM88.90 juta tidak diambil kira dalam penyata kewangan LTAT bagi tahun 2017.

"Mengambil kira dua kesilapan ini, LTAT pada tahun 2017 sebenarnya mengalami keru-

gian terkumpul sebanyak RM31.6 juta, bukannya keuntungan RM259.99 juta yang diumumkan sebelum ini.

"Semakan-semakan ini yang menyebabkan kelewatan terhadap penyata kewangan LTAT bagi tahun berakhir Disember 2018 untuk memastikan ketepatan pelaporan dan supaya ia tidak akan berulang lagi," katanya pada sesi pertanyaan-pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mohamad Sabu menjawab soalan **Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai)** mengenai hala tuju LTAT di bawah kerajaan Pakatan Harapan dan langkah-langkah untuk mendatangkan faedah yang lumayan kepada pelabur dan peminjam.

Dalam perkembangan lain,



MOHAMAD SABU

Ahli Parlimen Kota Raja itu memberitahu, rakyat dinasihatkan tidak cemas dengan amaran yang dikeluarkan Amerika Syarikat (AS) bahawa Malaysia antara 34 negara yang berisiko penculikan tinggi.

"Amaran AS itu sentiasa dikeluarkan dari semasa ke semasa, jadi kerajaan memberi jaminan keadaan timur Sabah semakin aman dan penyelesaian politik di selatan Filipina sedang berlangsung.

"Malaysia, Filipina dan Indonesia sentiasa ambil berat dan menjalankan rondaan bersama di kawasan perairan dan kita jamin ia selama," katanya.

Memetik laporan *Malay Mail*, Jabatan AS telah mengeluarkan amaran kepada warganegara tersebut untuk tidak melancang ke 34 negara termasuk Malaysia yang mempunyai risiko penculikan.